

Kerajaan galak lebih banyak logam diproses di sini

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan akan meningkatkan galakan supaya lebih banyak logam terutama bijih timah diproses di negara ini selain rebat \$700 bagi setiap tan metrik bijih berkenaan yang diproses dalam negeri dua tahun lalu.

Bagaimanapun, dalam menambahkan galakan itu, kerajaan terpaksa berhati-hati supaya ia tidak disalahertikan oleh negara-negara lain sebagai satu subsidi.

"Jika ini berlaku, negara berkenaan mungkin menaikkan cukai ke atas bahan itu seperti yang terjadi kepada industri kain di negara ini," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ditanya sama ada langkah itu mungkin meningkatkan semula sumbangan negara kepada pasaran timah

dunia, beliau berkata, "Menambahkan galakan sahaja tidak akan dapat menolong menaikkan sumbangan Malaysia kerana ada beberapa negara baru yang mengeluarkan bijih timah.

Kos pengeluaran bijih timah di negara berkenaan jauh lebih murah kerana ia tidak memerlukan penggalian yang dalam, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran 100 tahun Pewter Malaysia di Muzium Negara.

Katanya, keadaan ini hanya dapat diperbaiki sekiranya Malaysia boleh mengeluarkan lebih banyak bahan logam yang siap diproses selain barangan pewter dan kepingan timah.

Apa yang penting, katanya, Malaysia perlu mencari jalan mengurangkan kos pengeluaran kepingan itu dan mengekspornya jika ia hendak dijadikan satu industri yang menguntungkan.

Setakat ini, kepingan timah yang dikeluarkan hanya untuk kegunaan dalam negeri, sementara kepingan hitam timah yang menjadi bahan utama industri itu masih diimport.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyeru pengusaha-pengusaha barangan logam supaya mengubah rekabentuk hasil keluaran mereka untuk menarik pembeli luar negeri.

Bahan mentah yang lebih murah sahaja tidak boleh menjamin perkembangan industri bahan itu jika rekabentuknya tidak dapat mempengaruhi penjualannya di pasaran dunia, katanya.

Beliau menegaskan, dalam industri pewter, walaupun rekabentuknya baik dan melambangkan keperibadian Malaysia, strategi pema-

saran dan teknologi pembuatan perlu juga ditingkatkan bagi menghadapi cabaran pasaran eksport.

Datuk Seri Dr Mahathir, kesal kerana hasil tangan tembaga negara ini tidak pernah berjaya menembusi pasaran luar negeri.

"Sambutan dingin para pelancong luar disebabkan rekabentuknya tidak menarik dan tidak memenuhi citarasa mereka serta pengeluaran bahan itu yang sangat terhad.

"Ini perlu diperbaiki segera kerana industri tembaga boleh membantu memajukan industri pelancongan negara ini," tambahnya.

Perdana Menteri menyeru pengusaha barangan tembaga tempatan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan khidmat nasihat.